



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

INISIATIF WILAYAH CAKNA 4.0 KOMITMEN BERTERUSAN KERAJAAN TERHADAP WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Bantuan sosial menerusi Inisiatif Wilayah Cakna 4.0 (IWC 4.0) bagi golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan Labuan, adalah bukti keprihatinan kerajaan terhadap golongan mudah terjejas itu. Sebanyak **RM2.07 juta** diperuntukkan bagi IWC 4.0 oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Labuan (PL) bermula Oktober hingga 31 Disember 2020 untuk membantu golongan B40 dan miskin di Wilayah Persekutuan Labuan yang terkesan dengan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

772 penyewa premis niaga milik PL dikecualikan bayaran sewa selama 3 bulan bermula Oktober hingga Disember 2020 yang melibatkan pengurangan hasil kepada PL berjumlah **RM518,055.00**. 468 orang peniaga kecil dan peniaga pasar awam milik PL juga dikecualikan bayaran bagi pembaharuan lesen perniagaan peniaga kecil dan pasar awam bagi tempoh tiga (3) bulan bermula Oktober hingga Disember 2020 melibatkan pengurangan hasil sebanyak **RM25,275.00** kepada PL.

Penyewa-penyewa perumahan awam milik PL, turut dikecualikan bayaran sewa perumahan bagi tempoh tiga (3) bulan bermula Oktober hingga Disember 2020 sekaligus memberi manfaat kepada 617 penyewa melibatkan pengecualian hasil kepada PL berjumlah **RM519,045.00**. 108 lot tanah milik PL yang dipajakkan kepada 85 syarikat diberi diskaun sebanyak 30% untuk 3 bulan pajakan (Oktober-Disember 2020) dengan keseluruhan pengurangan hasil kepada PL berjumlah **RM592,380.00**.

Seramai 2,000 pelajar sekolah daripada keluarga miskin di Labuan akan menerima baucar bantuan buku latihan sekolah bernilai RM100.00 secara *one-off* sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) melibatkan peruntukan sebanyak **RM200,000.00**. Baucer ini boleh digunakan di koperasi sekolah masing-masing untuk pembelian buku-buku latihan dan alat tulis bagi sesi persekolahan tahun hadapan. Bayaran diskaun kompaun juga diberikan pada kadar tetap RM15 sahaja sepanjang tempoh PKPB sehingga 31 Disember 2020 kepada warga WP Labuan.

Sumbangan sebanyak RM3,000.00 secara *one-off* diberikan kepada 1 Zon dan 5 Sub Zon Majlis Perwakilan Penduduk WP Labuan melibatkan peruntukan berjumlah **RM18,000.00** bagi melaksanakan program-program pencegahan COVID-19 dalam komuniti bagi memutuskan rantai penularan COVID-19. Program nyah kuman merangkumi aktiviti-aktiviti disinfeksi serta pembersihan menyeluruh di semua kawasan kemudahan awam WP Labuan juga dilaksanakan secara berterusan bagi membendung penularan wabak COVID-19 melibatkan kos sebanyak **RM200,000.00**.

Memandangkan masih ramai golongan yang terjejas akibat COVID-19, KWP dan Agensi di bawahnya sentiasa komited menggunakan sumber yang ada dan boleh dioptimumkan sepenuhnya untuk membantu warga Wilayah Persekutuan yang kurang berkemampuan. Selain Inisiatif Wilayah Cakna, Kementerian dan Agensi juga sedang merangka mekanisme yang lestari bagi jangka masa yang panjang yang diperlukan dalam usaha memastikan ekonomi terus mampan dan Wilayah Persekutuan sifar COVID-19 dapat dicapai.

YB Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa
Menteri Wilayah Persekutuan

31 Oktober 2020

INISIATIF WILAYAH CAKNA 4.0

KEPADA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (OKTOBER - DISEMBER 2020)

BIL.	INSENTIF	TEMPOH	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	CATATAN
1	PENIAGA KECIL DAN PASAR AWAM				
1.1	Pengecualian 3 bulan bayaran sewa premis niaga milik Perbadanan Labuan.	Oktober – Disember	772 penyewa berlesen	518,055.00	Pengurangan hasil Perbadanan Labuan (PL)
1.2	Pengecualian 3 bulan bayaran bagi pembaharuan lesen perniagaan peniaga kecil dan pasar awam.	Oktober - Disember	468 pegangan	25,275.00	
2	PERUMAHAN AWAM DAN PEMILIK TANAH				
2.1	Pengecualian 3 bulan bayaran sewa perumahan awam milik Perbadanan Labuan	Oktober - Disember	617 penyewa	519,045.00	Pengurangan hasil Perbadanan Labuan (PL)
2.2	Diskaun 30% untuk kadar bulanan pajakan tanah milik Perbadanan Labuan	Oktober - Disember	✓ 108 lot tanah ✓ 85 syarikat	592,380.00	
3	PELAJAR MISKIN				
3.1	Baucar Bantuan Buku Latihan Sekolah bernilai RM100 oleh Yayasan Wilayah Persekutuan	<i>One-off</i>	2,000 pelajar miskin	200,000.00	Peruntukan Yayasan Wilayah Persekutuan
4	KOMUNITI				
4.1	Sumbangan RM3,000 <i>one-off</i> kepada 1 Zon dan 5 Sub Zon MPPWP Labuan	<i>One-off</i>	1 Zon dan 5 Sub Zon MPPWP	18,000.00	Bagi program pencegahan COVID-19
4.2	Bayaran diskaun kompaun pada kadar tetap RM15 sahaja	Oktober - Disember	-	-	Sepanjang tempoh PKPB sehingga 31 Disember 2020
4.3	Program nyah kuman di semua bangunan kemudahan awam *secara berkala dan mengikut keperluan	Oktober – Disember	-	200,000.00	WP Labuan sahaja
JUMLAH KESELURUHAN				RM 2,072,755.00	